

# Sumbangan sambut merdeka dikecuali cukai

KUALA LUMPUR 8 Mei - Syarikat yang menanggung perbelanjaan dan menyumbang kepada perayaan ulang tahun kemerdekaan ke-50 negara akan diberikan pengecualian cukai.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim berkata, kira-kira 100 syarikat yang ketika ini menyatakan minat untuk membantu menadakan perayaan itu satu kejayaan akan menikmati pengecualian cukai tersebut.

Menurutnya, antara cara syarikat-syarikat berkenaan boleh menyumbang adalah dengan menaja pembelian Jalur Gemilang untuk bangunan dan kereta serta artifak Hari Kemerdekaan.

"Jumlah (pengecualian cukai) itu nanti akan ditentukan oleh Menteri Kewangan.

"Penekanan kita tahun ini ialah kita mahu semua rakyat Malaysia menunjukkan semangat patriotik mereka dengan menyertai perayaan itu. Kita harap bendera akan dikibarkan di kampung dan semua bangunan di kawasan bandar," katanya.

Rais berkata demikian ketika memberi taklimat khas kepada ketua-ketua penga-



*Malaysiaku Gemilang*

rang media cetak dan elektronik di Kompleks Kraf di sini hari ini.

Antara yang hadir ialah Ketua Pengarang Kumpulan Utusan, Khalid Mohd.; Ketua Pengarang Berita Publishing Sdn. Bhd., Datuk A. Kadir Jasin; Timbalan Ketua Pengarang *Bernama*, Datuk Zakaria Abdul Wahab dan Pengarang Kumpulan *Berita Harian*, Datuk Manja Ismail.

Perayaan ulang tahun kemerdekaan ke-50 negara bermula pada 17 Ogos dan akan berakhir secara rasmi pada 10 September di Kuching.

Menurut Rais, perayaan kemerdekaan

UM - 9/5/2007.

yang bertemakan *Malaysiaku Gemilang* akan dibuat secara besar-besaran, gilang-gemilang dan melibatkan semua lapisan masyarakat.

"Pendekatan sambutan kemerdekaan adalah untuk memperingati dan memelihara kedaulatan negara serta maruah bangsa yang telah diperjuangkan oleh tokoh-tokoh negara.

"Sambutan itu juga akan digunakan untuk mengekalkan keharmonian, etnik, budaya dan agama bagi melahirkan kekuatan negara dan bangsa Malaysia," katanya.

Menurutnya, konsep dan pendekatan sambutan kali ini menjurus kepada menghayati perjuangan bangsa dan negara Malaysia mengikut era pemerintahan lima Perdana Menteri.

Tambah beliau, penglibatan veteran perang, tokoh pejuang kemerdekaan serta waris tokoh kemerdekaan dari dalam dan luar negara juga akan dilakukan.

Mengulas lanjut, Rais memberitahu, tujuan program utama yang dirancang ialah:

- Majlis Pelancaran Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang pada 17

Ogos di Dataran Pahlawan, Melaka.

- Program Keagamaan di seluruh Malaysia pada 24 Ogos.

- Pencahayaan Ambang Merdeka di Dataran Merdeka pada 30 Ogos.

- Perbarisan Merdeka di Dataran Merdeka pada pagi 31 Ogos.

- Jamuan teh di Istana Negara untuk wakil negara asing pada petang 31 Ogos.

- Perayaan sambutan kemerdekaan di Stadium Merdeka pada malam 31 Ogos.

- Majlis penutup sambutan perayaan kemerdekaan ke-50 di Kuching, Sarawak pada 10 September.

Katanya, program-program utama sambutan kemerdekaan banyak tertumpu kepada sejarah kemerdekaan dan persembahan lagu-lagu patriotik.

"Konsep khas perbarisan Hari Merdeka pula akan mempamerkan pencapaian kemajuan negara dari 1957 hingga 2007 di bawah pimpinan lima Perdana Menteri dan 13 Yang di-Pertuan Agong," katanya.

Rais berkata, sambutan kemerdekaan juga akan dilakukan di luar negara iaitu di kota London, Washington, Beijing dan Sydney.